



prihatin

sentiasa bersama mu

Di madrasah Ramadan,
Berkembara menempuh ujian,
Mencari destinasi Syawal,
Kecapi rahmat penuh kesyukuran.



10

AMALKAN 'ECO DRIVING' BERMULA AIDILFITRI INI

06


**SERVIS KENDERAAN
ANDA & SAMBUTLAH
AIDILFITRI INI
DENGAN KERIANGAN**

14

**SISTEM
'SELF-PARKING'
MENCETUS INOVASI
CANGGIH TERKINI**

18

**TEROKAI DUNIA LEGO
DENGAN PENUH
KERIANGAN DI
LEGOLAND MALAYSIA
RESORT**





04



06



10



14



20



18

prihatin

senti asa bersama mu

jilid 2 | Apr - Jun 2013
MENARIK KELUARAN INI

PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG

Peter Lim

Shaheeran Jalalludin

Ezdan Zaim Zaidan

Rusman Bassri

PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)

No. 2, Jalan Perusahaan 2

Kawasan Perusahaan Batu Caves

68100 Batu Caves.

Tel 03-6192 8888

Faks 03-6192 8999

emel prihatin@spanco.com.my

web www.spanco.com.my

Talian bebas tol 1-800-88-6999

PENCETAK

Miracle Offset Print Sdn Bhd

No. 15, Jalan PBS 14/3

Taman Perindustrian

Bukit Serdang

43300 Seri Kembangan.

Tel 03-8941 4013

Faks 03-8941 4014

PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

SEKILAS MINDA

03 Bersama Menjulung Prestasi... Salam Prihatin Aidilfitri

KATA MEREKA

04 Wanita Berjiwa Kental... Hargai Profesionalisme SPANCO

SERVIS ITU PENTING!

06 Servis Kenderaan Anda & Sambutlah Aidilfitri Ini Dengan Keriangan

09 Jangan Ambil Lewa... 4 Perkara Penting Yang Perlu Anda Ketahui

YANG PERLU ANDA TAHU

10 Amalkan 'Eco Driving' Bermula Aidilfitri Ini

PERSADA INOVASI

14 Sistem 'Self-Parking' Mencetus Inovasi Canggih Terkini

MERAKAM CATATAN

16 SPANCO Iktiraf Kakitangannya Di Malaysian Institute Of Management

17 SPANCO Bersama Pelanggan

LIBUR DESTINASI

18 Terokai Dunia Lego Dengan Penuh Keriangan Di Legoland Malaysia Resort

BICARA SIHAT

20 Jaga Kesihatan Mata: Jangan Menyumbang Kepada Kemalangan Jalan Raya Di Aidilfitri Ini

PILIHAN SERVIS ANDA

22 Kelantan, Pahang dan Terengganu

23 Pembukaan Semula

Sila hantar komen, pandangan dan sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.



BERSAMA MENJULANG PRESTASI... SALAM PRIHATIN AIDILFITRI

SEBULAN berpuasa mendidik kita erti ke-berkatan Ramadan yang mulia. Bulan perjuangan untuk meningkatkan keimanan dan amalan, membersihkan diri dari dosa dan melahirkan Muslim yang cemerlang. Syukur, hari ini kita sambut Syawal dengan satu kemenangan. Ampun dan maaf jika ada kekurangan atau kekhilafan. Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada pelanggan yang telah banyak menyokong dan memberi keyakinan kepada kami. Begitu juga yang telah menjadikan PRIHATIN sebagai wadah bacaan dan ruang menimba ilmu.

Pengalaman dan sokongan padu telah memimpin kami untuk menjadi lebih baik dan hari ini ia telah membuktikan segalanya - jumlah 'fleet' telah mencecah 10,000 kenderaan! Satu pencapaian yang amat membanggakan. Ternyata, ini mencerminkan keyakinan Kerajaan terhadap mutu pengurusan SPANCO yang sentiasa komited dalam menyediakan perkhidmatan yang profesional, cekap dan memuaskan hati setiap pelanggan. Kepercayaan yang telah

anda berikan inilah yang telah membentuk kekuatan jitu kami dalam mengembang dan membangunkan pengurusan 'fleet' di Malaysia.

Bertitik tolak dari kesungguhan untuk sentiasa memberikan yang terbaik kepada setiap pelanggan, kami telah melancarkan eDM atau 'Electronic Direct Mailer' yang mana bermula dari isu ini, anda akan membaca buletin PRIHATIN daripada laman Internet yang diemel kepada anda. Dengan wajah baru dan sentuhan lebih menarik, PRIHATIN akan terus membawa anda melayari dunia 'fleet' dan pemotoran melalui medium yang lebih canggih dan berteknologi.

Sempena Aidilfitri ini, hayatilah erti kemenangannya. Penuhi ruang berkualiti bersama keluarga dan sentiasalah berwaspada ketika memandu. Sayangi keluarga dan utamakan keselamatan. Salam Aidilfitri daripada saya dan semua warga kerja SPANCO.

AZMAN IDRIS
Ketua Pegawai Operasi

DENGAN WAJAH
BARU DAN
SENTUHAN
LEBIH MENARIK,
PRIHATIN AKAN
TERUS MEMBAWA
ANDA MELAYARI
DUNIA 'FLEET'
DAN PEMOTORAN
MELALUI MEDIUM
YANG LEBIH
CANGGIH DAN
BERTEKNOLOGI.

WANITA BERJIWA KENTAL...

HARGAI PROFESIONALISME SPANCO



KINI, KENDERAAN
KERAJAAN LEBIH
SISTEMATIK
DARI SEGI
PENYENGKARAAN
BERBANDING
DULU DAN INI
MEMUDAHKAN
KERJA KAMI YANG
SENTIASA PERLU
FOKUS TERHADAP
TUGAS.

TEGAS bila berbicara dan berani bila bersuara, namun di sebalik itu beliau sebenarnya seorang yang sangat lembut, rendah diri dan mudah mesra dengan sesiapa sahaja. Itulah Puan Anis Rizana binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin, Timbalan Ketua Pengarah Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri. Wanita berjiwa kental yang bukan calang-calang kedudukannya di dalam perkhidmatan awam di Malaysia.

Pernah berkhidmat di bawah dua nama besar negara iaitu Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan. Beliau juga merupakan bekas Ahli Lembaga Pengarah di beberapa syarikat berkaitan Kerajaan (GLC). Malah, pada 2009 sewaktu berusia 39 tahun, beliau merupakan penjawat awam termuda yang menjawat JUSA C apabila dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Tugas-tugas Khas kepada Ketua Setiausaha Negara di Jabatan Perdana Menteri.

Pemegang Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari UPM dan terkini Program Pengurusan Lanjutan (AMP) dari Harvard Business School, Boston, Amerika Syarikat mengakui terpaksa menempuh cabaran besar sepanjang 15 tahun menceburi sektor perkhidmatan awam.

Menceritakan pengalaman, Puan Anis Rizana merupakan Timbalan Setiausaha Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan di mana terlibat secara langsung dengan Unit Kemudahan Kereta (UKK), Kementerian Kewangan. Dari Jun 2012 hingga Jun 2013, beliau terbabit secara langsung dalam membuat dasar dan sering mempengerusikan mesyuarat berkala antara UKK dan SPANCO.

"Sebagai penggubal polisi, pihak UKK amat memahami akan kekangan yang dihadapi SPANCO terutama dari segi pembekalan. Maka, kami dan Kementerian Kewangan tidak akan membuat sesuatu polisi yang tidak dapat dilaksanakan. Kami percaya terhadap pengurusan profesional SPANCO serta



Secara peribadi Puan Anis amat berpuas hati dengan tahap perkhidmatan yang disediakan oleh SPANCO.

memastikan kerjasama dan hubungan baik sentiasa terjalin,” terang anak kelahiran Ipoh, Perak ini.

Berdasarkan perbualan dengan rakan-rakan sekerja yang lebih senior, Puan Anis Rizana merasakan kini kenderaan yang digunakan pegawai Kerajaan lebih sistematik dari segi penyenggaraan berbanding sebelum pengurusan fleet diambil alih oleh SPANCO.

“Kebanyakan penjawat awam yang menggunakan kereta SPANCO terdiri daripada pengurusan tertinggi yang merupakan aset penting Kerajaan. Mereka perlu fokus kepada tugas dan kerap berdepan dengan mesyuarat

tertindih selain sering bertugas ke luar bandar di merata negeri. Pegawai-pegawai ini memerlukan seseorang yang sentiasa boleh membantu menguruskan kenderaan mereka.

“Maka, penjawat awam memerlukan kereta yang selamat dan SPANCO memberikan khidmat itu dengan baik sekali. Ini kerana apabila berlaku kerosakan, kereta akan dibaiki dengan segera atau jika perlu, disediakan kereta ganti atau mereka boleh menghubungi talian bantuan sekiranya terdapat sebarang masalah dengan kenderaan,” sambungnya lagi.

Sebagai pengguna kereta SPANCO sendiri, iaitu bermula dengan Proton

Perdana Executive V6 dan kini Inspira, Puan Anis secara peribadi amat berpuas hati dengan tahap perkhidmatan yang disediakan setakat ini. Berdasarkan pengalaman di syarikat berkaitan Kerajaan di mana kenderaan yang disediakan perlu dijaga sendiri, beliau merasakan SPANCO amat teliti dalam penjagaan kenderaan terutama penyenggaraan berkala. Segala komen dan aduan tentang kenderaan akan diambil tindakan segera.

“Sepanjang 4 tahun menggunakan perkhidmatan SPANCO, kereta saya sentiasa dijaga dengan baik terutama penyenggaraan berjadual dan SPANCO sentiasa komited terhadap setiap permasalahan yang dihadapi. Pernah pada satu hujung minggu, tayar kereta bocor terkena paku dan saya menghubungi talian bebas tol 24/7 SPANCO, mekanik terus datang membaiki tayar tersebut. Jadi mudah, walaupun bercuti atau di mana pun kita berada, SPANCO akan sentiasa memberikan yang terbaik kepada pelanggan. Itulah kelebihan SPANCO,” ujar ibu kepada tiga cahaya mata ini.

Sebagai menyambut kehadiran Aidilfitri yang bakal tiba, beliau telah pun membuat persiapan awal. “Persiapan kami adalah sederhana. Hari Raya adalah untuk anak-anak, jadi merekalah yang lebih diutamakan. Tahun ini kami akan menyambut Aidilfitri di Perak pada hari raya pertama dan ke Kedah, kampung suami pada Hari Raya kedua. Setiap tahun begitulah, ikut giliran,” akhirnya sambil tersenyum.



Timbalan Ketua Pengarah Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri, Puan Anis Rizana Mohd Zainudin bersama kereta Inspira yang dikawal selia SPANCO.



SERVIS KENDERAAN ANDA & SAMBUTLAH AIDILFITRI INI DENGAN KERIANGAN

AIDILFITRI bakal menjelma dan tentu anda sekeluarga tidak sabar menyambut kedatangannya. Tetapi sebelum itu pastikan kenderaan anda berkeadaan baik dan selamat dipandu. Sila kunjungi Pusat Servis Wilayah SPANCO atau pusat servis diiktiraf (PSD) SPANCO yang berdekatan dengan tempat anda untuk dibuat pemeriksaan menyeluruh atau diservis agar perjalanan ke kampung halaman menjadi lebih lancar dan selamat. Pemeriksaan kenderaan ini merupakan komitmen dan tanggungjawab SPANCO dalam usaha memastikan kenderaan sentiasa berada pada tahap selamat untuk dipandu terutama sekali semasa musim perayaan.

Servis dan penyenggaraan kenderaan yang teratur dan baik amat mustahak. Pemeriksaan dan servis mengikut tempoh yang ditetapkan dapat membantu

anda serta penggunaan optimum kenderaan kami kerana ia memastikan komponen penting kenderaan berada di dalam keadaan terbaik. Paling utama, ia membantu mengekalkan keselamatan serta meningkatkan keselesaan anda sepanjang perjalanan.

Di SPANCO, servis dan penyenggaraan amat dititikberatkan. Kenderaan yang diservis akan sentiasa dipantau oleh perkhidmatan servis profesional serta dikendalikan oleh tenaga pakar yang efisien. Kenderaan perlu diservis mengikut tempoh tertentu sebagaimana yang disarankan oleh pengeluar kenderaan.

Bila Kenderaan Perlu Diservis?

- Untuk kenderaan model Proton dengan penggunaan atau pemanduan biasa, kereta perlu dibuat servis berjadual **setiap enam (6) bulan atau 10,000km, yang mana dahulu.**
- Servis biasa akan dilakukan untuk setiap 10,000km manakala servis utama ialah setiap 40,000km atau 100,000km.

Apa Yang Perlu Dititikberatkan Ketika Servis?

Setiap model kenderaan mempunyai keperluan servis yang berbeza. Bagi

kenderaan SPANCO kami melakukan penyenggaraan seperti berikut :

- Menukar minyak pelincir enjin.
- Mengganti penapis minyak pelincir.
- Melakukan penajaran dan pengimbangan tayar.
- Melakukan pemeriksaan keselamatan keseluruhan kenderaan.





Pemeriksaan keselamatan ini termasuklah:

- Memeriksa lampu kenderaan sama ada ia berfungsi atau tidak.
- Memeriksa keadaan tayar.
- Memeriksa sistem brek.
- Memeriksa sistem ekzos.
- Memeriksa sistem penyejuk enjin.
- Memeriksa bateri serta sistem pengecasan (charging system).

SPANCO akan melakukan penyenggaraan cegahan dengan memeriksa dan menggantikan komponen yang perlu ditukar sebelum ia rosak. Malah untuk setiap servis biasa SPANCO akan mencuci dan memvakum kenderaan.

Temu janji adalah digalakkan. Pelanggan hanya perlu menghubungi Pusat Servis Wilayah SPANCO atau pusat servis diiktiraf yang ingin dikunjungi supaya persiapan awal dapat dibuat bagi melancarkan proses pembaikan. Oleh itu tempoh masa menunggu pelanggan dapat disingkatkan.

Pelanggan juga boleh melayari laman web kami iaitu www.spanco.com.my untuk senarai lengkap pusat servis SPANCO di seluruh negara atau menghubungi talian bebas tol 24 jam di nombor **1-800-88-6999**.

**KERETA PERLU
DIBUAT SERVIS
BERJADUAL SETIAP
ENAM (6) BULAN
ATAU 10,000KM,
YANG MANA
DAHULU.**

Senarai 31 Pemeriksaan Yang Dilakukan SPANCO

Bahagian hadapan

- ✓ Lampu hadapan (atas dan bawah)
- ✓ Lampu sisi dan isyarat kecemasan
- ✓ Lampu penunjuk isyarat
- ✓ Kesemua cermin dan tingkap kawalan elektrik

Bahagian kabin

- ✓ Lampu siling (depan dan belakang)
- ✓ Lampu papan pemuka
- ✓ Lampu kotak simpanan
- ✓ Lampu penunjuk panel
- ✓ Lampu pintu dan ruang bagasi
- ✓ Strok brek tangan

Bahagian belakang

- ✓ Lampu belakang
- ✓ Lampu brek
- ✓ Lampu undur
- ✓ Lampu plat nombor
- ✓ Lampu penunjuk isyarat

Pelincir

- ✓ Paras minyak enjin
- ✓ Paras bendalir transmisi
- ✓ Paras bendalir stereng kuasa
- ✓ Paras bendalir brek
- ✓ Paras bahan penyejuk
- ✓ Paras pencuci cermin

Bahagian am

- ✓ Tahap lahu pendingin hawa
- ✓ Kipas pendingin hawa berfungsi
- ✓ Keadaan hos radiator
- ✓ Mengesan sebarang kebocoran

Pemeriksaan fizikal

- ✓ Sistem penggera
- ✓ Fungsi audio
- ✓ Keadaan bateri
- ✓ Melincirkan pintu dan engsel
- ✓ Keadaan tali sawat
- ✓ Hala stereng



Berapa lama servis di SPANCO?

Tempoh servis dan pembaikan disenaraikan dalam perjanjian tahap perkhidmatan (SLA) yang dipersetujui bersama oleh SPANCO dan Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun secara keseluruhan tahap perkhidmatan menjangkaui had yang ditetapkan.

Contoh: Tempoh servis berjadual seperti di dalam perjanjian adalah 48 jam tetapi SPANCO mampu menyiapkannya kurang daripada 24 jam. Untuk lebih memudahkan pelanggan, tempoh tersebut dipercepatkan kepada 2 jam bagi kes-kes 'urgent'.

Bagi pelanggan yang memilih untuk menunggu, kereta akan disiapkan pada hari sama. Manakala untuk pembaikan mekanikal, SLA menetapkan tempoh tidak lebih daripada 21 hari waktu bekerja dan pembaikan kemalangan adalah 30 hari. Bergantung kepada tahap kerosakan, pembaikan mekanikal dan kemalangan lazimnya disiapkan lebih awal dari jangka masa tersebut.

UNTUK LEBIH
MEMUDAHKAN
PELANGGAN,
TEMPOH TERSEBUT
DIPERCEPATKAN
KEPADA 2 JAM
BAGI KES-KES
'URGENT'.

Kereta ganti (SPC)*

Namun, jika melebihi dari syarat ditetapkan, SPANCO akan menyediakan kereta ganti (SPC) untuk tempoh yang selebihnya atau membayar jumlah sewa kereta yang bersamaan. Bagi pembaikan melebihi 24 jam atau kereta terlibat dalam kemalangan, peruntukan kereta ganti disediakan kepada pegawai Kerajaan Persekutuan yang berkecualan iaitu Jusa C dan ke atas yang menggunakan kereta rasmi.

**terhad kepada 50 unit SPC di seluruh negara.*

TAHUKAH ANDA?

Khidmat bantuan kerosakan seluruh negara merangkumi:

- Pusat Panggilan 24 jam
1-800-88-6999
- Khidmat tunda



Tempoh Servis Di SPANCO

Jenis servis	Syarat dalam perjanjian	Pelaksanaan sebenar Pusat Servis SPANCO
Servis berjadual	< 48 jam	< 24 jam Kes 'urgent' – 2 jam Pelanggan menunggu – pada hari yang sama
Pembaikan mekanikal	< 21 hari	< 21 hari
Pembaikan kemalangan	< 30 hari	< 30 hari



JANGAN AMBIL LEWA...

4 PERKARA PENTING YANG PERLU ANDA KETAHUI

KENDERAAN yang berkeadaan baik amat penting bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pemandu dan penumpang. Lancarkan perjalanan dan elakkan kemalangan dengan mengikuti empat langkah penting berikut:



1 Penyenggaraan berjadual

Pastikan kenderaan sentiasa diservis mengikut jadual. Pelanggan perlu memberi lebih perhatian kepada penyenggaraan dan harus membahagikan masa untuk melakukannya.

Pegawai kenderaan Kerajaan atau pegawai liaison (LO) bertanggungjawab memastikan kenderaan diservis mengikut jadual. Terdapat kenderaan yang terlajak dari tarikh penyenggaraan yang mengakibatkan ia berada di dalam keadaan yang tidak memuaskan sekali gus akan meningkatkan risiko kemalangan.

2 Pembaikan kenderaan

Semua kerosakan hendaklah dilaporkan segera kepada SPANCO. Sekiranya terdapat kerosakan, pegawai liaison perlu bertanggungjawab untuk menguruskan pembaikan ke pusat servis diiktiraf (PSD) dan ianya perlu dilakukan segera.

Jika kenderaan terlibat dengan kemalangan, pastikan laporan polis dibuat.



Manakala jika kerosakan sendiri (yang tidak melibatkan pihak lain), maka pegawai liaison perlulah menandatangani surat pengesahan yang mengatakan bahawa tiada penglibatan pihak ketiga dalam kerosakan badan kenderaan bagi melancarkan kerja pembaikan kenderaan.

3 Kebersihan kenderaan



Pelanggan mestilah menjaga kebersihan kenderaan bukan sahaja luaran malah juga pada bahagian enjin. Ini penting kerana kotoran yang keterlaluan di bahagian enjin akan menyebabkan kerosakan seperti kebocoran minyak dan pintasan pendawaian sukar di-kesan.

4 Masalah pusat servis diiktiraf (PSD)

Kekurangan alat ganti adalah masalah yang sering berlaku di beberapa Proton



Edar dan PSD di setiap daerah. Sekiranya kenderaan berada di dalam keadaan selamat dan masih boleh digunakan, pelanggan bolehlah meminta PSD membuat pesanan terlebih dahulu dan menghantar kenderaan untuk diservis apabila barang telah tersedia.

Pelanggan juga boleh mencadang dan mengenal pasti mana-mana pusat servis yang memenuhi piawaian untuk dinilai dan dimasukkan ke dalam senarai panel pusat servis PSD.

• KEROSAKAN SENDIRI

Pegawai liaison perlulah menandatangani surat pengesahan yang mengatakan bahawa tiada penglibatan pihak ketiga dalam kerosakan badan kenderaan bagi melancarkan kerja pembaikan kenderaan.



AMALKAN 'ECO DRIVING' BERMULA AIDILFITRI INI

'ECO DRIVING' bermaksud pemanduan bijak dan penggunaan bahan api yang efisien dalam usaha melindungi alam sekitar. Ia merupakan satu cara mudah untuk mengurangkan penggunaan bahan api sekali gus menyumbang kepada penjimatan, perlindungan dan pengurangan pencemaran. Satu lagi budaya pemanduan baru dalam teknologi pemotoran sekali gus dapat mempertingkatkan keselamatan di jalan raya.

Tip Pemanduan Eko

- 1 Jangan panaskan enjin terlalu lama kerana banyak bahan api akan dihabiskan. Sebaiknya terus memandu sejeu sahaja enjin dihidupkan. Sebagai panduan, pandu pada kelajuan 20kmj untuk 5 saat sebaik selepas enjin dihidupkan.
- 2 Hanya panaskan enjin jika cuaca sejuk atau enjin tidak dihidupkan selama beberapa hari.



- 3 Jangan memecut secara mendadak. Kekalkan kelajuan yang stabil. Ia dapat membantu menjimatkan minyak dan menjamin keselamatan.
- 4 Memandu di kawasan bandar dan kesesakan lalu lintas akan menggunakan lebih banyak bahan api.
- 5 Bagi kenderaan yang mempunyai 'penunjuk pemanduan eko', sesuaikan kelajuan supaya lampu penunjuk tersebut menyala.



- 6 Patuhi had laju. Kelajuan yang selamat dan menjimatkan adalah pada 40-50kmj di jalan biasa dan 80kmj di lebuh raya.
- 7 Jangan membrek secara mengejut. Lepaskan pedal minyak untuk memperlahankan kenderaan sebaik sahaja melihat lampu merah. Ini dapat menjimatkan penggunaan bahan api dan memanjangkan hayat brek.

- 8 Matikan enjin apabila memunggah barangan, ketika menunggu untuk mendapatkan ruang letak kenderaan atau mengambil penumpang. Jika enjin dibiarkan hidup begitu sahaja, minyak akan digunakan walaupun kereta berhenti.



- 9 Matikan OD (Overdrive) semasa memandu di bandar atau menuruni bukit.
- 10 Gunakan gear rendah untuk memperlahankan kenderaan semasa menuruni bukit.
- 11 Matikan penyaman udara jika tidak memerlukannya. Penggunaan penyaman udara pada kadar tinggi akan meningkatkan penggunaan bahan api.


**TIP MENGEKALKAN
KELAJUAN STABIL**

- Fokus semasa memandu. Tumpukan perhatian kepada keadaan lalu lintas, isyarat jalan raya dan kenderaan lain.
- Sering lakukan jangkaan awal semasa memandu.
- Sentiasa jarakkan kenderaan di hadapan anda.

TAHUKAH ANDA?

Apabila memandu di kawasan bandar atau kesesakan trafik, 38% daripada keseluruhan penggunaan bahan api dihabiskan untuk memulakan pergerakan dan memecut dari kedudukan berhenti.

Pecahan penggunaan bahan api apabila memandu di kawasan bandar



Rujukan dari 'Smart drive' bagi tahun 2006 oleh Pusat Pemuliharaan Tenaga, Jepun

Sistem suntikan bahan api



Suntikan bahan api akan dihentikan (bahan api tidak digunakan) bila kelajuan enjin tinggi.



Bahan api akan disuntik untuk melahukan (idling) enjin sekiranya kelajuan enjin adalah rendah.

Bermakna, penggunaan bahan api dan pelepasan karbon dapat dikurangkan jika pemandu melepaskan pedal minyak seawal yang mungkin.

TAHUKAH ANDA?

Kecekapan penggunaan bahan api boleh diperbaiki sehingga 10% - 30% jika pemandu mengekalkan kelajuan stabil pada 80kmj.

Cara mudah mengira penggunaan petrol

- Pastikan tangki petrol penuh dan catatkan bacaan odometer **(A)** pada kereta anda.
- Apabila anda mengisi petrol pada tarikh berikutnya, sekali lagi catatkan bacaan odometer **(B)** dan jumlah petrol yang ditambah **(C)** untuk memenuhi tangki.
- Kecekapan penggunaan petrol = jarak yang dilalui / jumlah petrol yang digunakan = $(B - A) / C$
- Ulang langkah di atas untuk memantau kecekapan penggunaan petrol kereta anda.

Tarikh	Bacaan odometer (km)	Jarak yang dilalui atau beza bacaan odometer (km)	Jumlah petrol yang ditambah (L)	Kecekapan penggunaan petrol (km/L)
8 Ogos 2013	(A) 50,000			
9 Ogos 2013	(B) 50,300	B - A = 300	(C) 30	(B - A) / C = 10

*Kebanyakan kereta boleh memaparkan kecekapan penggunaan petrol pada panel instrumen. Sila rujuk manual anda.

Jadilah pemandu mesra alam bermula hari ini dengan tip berikut:

Carta Pemanduan 'Eco Driving'

Sayangilah alam sekitar anda. Jangan memandu secara terburu-buru.

mesra alam
tidak mesra alam

● Hidupkan enjin/ Pecutan

Teruskan pemanduan selepas enjin dihidupkan

Input sistem navigasi

Untuk 'permulaan eco', tekan pedal minyak perlahan-lahan.

Tekan pedal minyak sedikit demi sedikit. Jika kereta manual, tukar gear secepat mungkin.

● Pandu pada kelajuan stabil

Seboleh-bolehnya, pandu pada had laju sederhana



Sesuaikan pemanduan dengan keadaan trafik dengan hanya melaraskan papan pemcut agar perubahan had kelajuan boleh dikurangkan untuk mengekalkan pemecutan sederhana.

● Lepaskan tekanan minyak

Sebaik sahaja melihat lampu merah, lepaskan pedal minyak dengan cepat



Lepaskan tekanan kaki ke atas pedal minyak secepat mungkin agar kereta dapat bergerak dengan sendiri pada kelajuan sederhana dengan lebih lama. Daya 'inertia' akan memperlahankan kereta dan elakkan berhenti secara mengejut.

● Elakkan pembaziran

Matikan enjin apabila memunggah barang atau menunggu untuk mengambil penumpang



Gunakan penyaman udara secara wajar

Berikut adalah contoh peningkatan bahan api bagi penggunaan penyaman udara:

Apabila suhu dilaraskan pada 24°C


- Jika suhu persekitaran adalah 25°C (cuaca redup)
 - pengaktifan penyaman udara meningkatkan penggunaan bahan api sebanyak 14% manakala penjimatan bahan api menurun sebanyak 12%.
- Jika suhu persekitaran adalah 35°C (cuaca panas terik)
 - pengaktifan penyaman udara meningkatkan penggunaan bahan api sebanyak 38% sementara penjimatan bahan api menurun sebanyak 28%.

Pembandingan REC/FRESH/MAX/AUTO (Suhu persekitaran 35°C dan dilaraskan pada 24°C)

- Butang REC/FRESH dilaraskan kepada FRESH (segar)
 - penggunaan bahan api meningkat sebanyak 4%.
- Butang REC/FRESH dilaraskan kepada REC (kitar semula)
 - penjimatan bahan api menurun sebanyak 4%.
- Kawalan angin dilaraskan kepada MAX
 - penggunaan bahan api meningkat sebanyak 14%.
- Kawalan angin dilaraskan kepada AUTO
 - penjimatan bahan api menurun sebanyak 12%.



● Peningkatan penggunaan bahan api berikutan pelarasan penyaman udara



On/Off	OFF	ON/(25°C)	ON/(35°C)	ON/(35°C)	ON/(35°C)
Kawalan REC/FRESH		REC	REC	FRESH	FRESH
Kawalan angin		AUTO	AUTO	AUTO	MAX

* Suhu di dalam kurungan adalah suhu persekitaran.

** Data ini adalah hasil ujian makmal simulasi di kawasan bandar menggunakan minivan 2,500cc.



PELEPASAN KARBON

Jika enjin dibiarkan hidup semasa kenderaan berhenti, 65ml petrol akan digunakan dan 151g CO₂ akan dilepaskan dalam masa 5 minut.

*Angka berdasarkan kepada kereta transmisi automatik 2,000cc dengan kecekapan bahan api sebanyak 11.7km/l (mod 10 dan 15). Kaji selidik dilakukan oleh Japan Automobile Manufacturers Association Inc.

Disesuaikan dari 'Smart drive' untuk 2005 oleh Pusat Pemuliharaan Tenaga, Jepun.



Sumber: Seimens VDO



SISTEM 'SELF-PARKING' MENCETUS INOVASI CANGGIH TERKINI

MENEMPUH arus dunia serba canggih hari ini, pelbagai teknologi berinovasi tercipta menjadikan segalanya begitu mudah terutamanya dalam dunia automobil. Malas atau tidak mahir meletakkan kenderaan? Ia bukan lagi masalah kerana sistem *parking* automatik pastinya penyelesaian kepada segala tekanan anda.

Sistem *parking* automatik ini merupakan satu teknologi *autopilot* yang membenarkan

kereta meletakkan kenderaan atau 'self parking' dengan sendirinya menggunakan peralatan kamera dan sensor yang dipasang pada kenderaan. Kedua-dua sensor ini akan menggerakkan stereng dan mengaktifkan brek serta sistem kawalan berasas mikro komputer untuk mengarahkan pergerakan. Sistem ini telah digunakan oleh kebanyakan model kenderaan seperti Lexus, Toyota, Volvo, Ford, Kia, Volkswagen dan Škoda.

Ciri Utama:

- Menggunakan sensor di sisi kereta untuk mengukur jarak ruang *parking*.
- Mengesan kedudukan dan saiz ruang lalu meletakkan kenderaan ke dalamnya dengan tepat.
- Boleh mengundur dengan sendiri ke dalam ruang *parking* seranjang secara automatik.

VOLKSWAGEN TELAH MENCIPTA SATU SISTEM AUTOMATIK SEPENUHNYA YANG TIDAK MEMERLUKAN PEMANDU BERADA DI DALAM KENDERAAN.



Kebaikan Sistem:

- Amat sesuai digunakan dalam situasi *parking* selari atau 'side parking'.
- Amat sesuai untuk kawasan bandar dengan ruang *parking* yang terbatas.
- Dapat mengurangkan kesesakan akibat masalah *parking*.
- Menjimatkan masa dan tenaga.
- Mengurangkan risiko kenderaan tercalar atau kemik di ruang *parking*.
- Pemandu masih boleh mengambil alih kawalan pada bila-bila masa jika perlu.

Volkswagen telah mencipta satu sistem automatik sepenuhnya yang tidak memerlukan pemandu berada di dalam kenderaan. Sistem tersebut dipanggil 'Park Assist Vision' (PAV), dan ia adalah penyelesaian tepat untuk ruang garaj yang sempit.

Mungkin di masa hadapan 'Self Parking System' boleh dicipta untuk semua jenis kenderaan dengan hanya menggunakan alat kawalan jauh tanpa perlu menggunakan pemandu. Dikhabarkan Volvo sedang dalam proses mengembangkan teknologi ini dan sekiranya berhasil bermakna Volvo akan muncul dengan teknologi baru ini sebelum akhir 2014 melalui Volvo XC90 yang akan menjadi debut kepada pengendalian automotif Volvo.

Bayangkan suatu hari nanti, melihat pemandu menghentikan kenderaan di hadapan pejabat dan kereta kemudian bergerak dengan sendiri mencari *parking* bukan lagi perkara aneh. Malah, mungkin generasi akan datang juga akan ketawa apabila mendengar sembang-semang dari warga emas bagaimana sukarnya mendapat tempat *parking* dan masalah meletakkan kenderaan suatu ketika dahulu. Ya, siapa tahu... ini semua pasti berlaku.



SPANCO IKTIRAF KAKITANGANNYA DI MALAYSIAN INSTITUTE OF MANAGEMENT

SATU lagi sejarah tercipta apabila enam kakitangan SPANCO menerima *Diploma in Management from Australia-wide Business Training Pty Ltd* dan Malaysian Institute of Management (MIM) pada 18 Mac 2013 yang lalu. Penerima tersebut adalah Syed Riaz, Rama Kumar, Sudersh John, Richard Velayuthan, Nor Azhan Haji Abdul dan Ramesh a/l Ramasamy. Masing-masing menerima *Work Based Diploma of Management* manakala Nor Azhan Haji Abdul pula merupakan Pelajar Prestasi Terbaik Keseluruhan untuk kelas Diploma Asas Kerja MIM 2011/2012.

Malaysian Institute of Management merupakan sebuah Institusi Pengurusan Profesional Negara yang melatih kakitangan sektor awam dan swasta bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang pengurusan di dalam sesebuah organisasi.

Dalam usaha meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan pengurusan, SPANCO telah menghantar kakitangannya berkursus untuk mendalami bidang pengurusan agar dapat terus memberi khidmat cemerlang dan profesional kepada

pelanggan. Ianya adalah juga sebagai melengkapi tenaga kerja SPANCO bukan hanya mahir dalam skil teknikal tetapi turut pakar dalam bidang pengurusan.

Usaha ini merupakan sebahagian daripada pelaksanaan pembangunan berterusan yang dilaksanakan bagi menjamin kepuasan pelanggan terhadap pengurusan SPANCO. Inisiatif ini diharap dapat meningkatkan imej syarikat dalam melahirkan kakitangan yang efisien, profesional dan mahir serba-serbi untuk terus menjulang SPANCO sebagai penyedia 'fleet' terulung di Malaysia.

Berikutan itu juga, SPANCO merancang untuk membuka peluang yang lebih luas kepada kakitangannya untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah di dalam jurusan yang sama di Malaysian Institute of Management pada masa akan datang. Ianya adalah juga sebagai menyuntik motivasi kepada mereka agar menjadi pekerja yang bukan sahaja berpengetahuan luas tetapi boleh melangkah jauh dan berdaya saing dalam industri pengurusan 'fleet' di Malaysia.



Berdiri dari kiri:
Syed Riaz, Rama Kumar
dan Sudersh John.
Duduk dari kiri: Richard
Velayuthan, Nor Azhan
Haji Abdul dan Ramesh
a/l Ramasamy

SPANCO BERSAMA PELANGGAN



Puan Rohana binti Abdullah dari SPANCO menyerahkan kunci kepada Yang Berusaha Dr. Badi'ah binti Yahya (kiri) dari Hospital Permai, Johor Bahru.



Sebahagian daripada doktor-doktor perubatan yang menerima kereta mereka pada hari itu.

Penyerahan kenderaan rasmi kepada Kementerian Kesihatan Johor pada 4 & 5 Jun 2013 di Proton Edar Service Centre (Plentong 3S) Johor Bahru. Sebanyak 27 buah Proton Inspira 2.0 CVT diserahkan.



Para pegawai Jusa C Kementerian Kesihatan Melaka, penerima kenderaan rasmi Proton Inspira 2.0 CVT.



Kelihatan lima daripada enam buah Proton Inspira yang diserahkan kepada pelanggan SPANCO pada hari itu.

Penyerahan kenderaan rasmi kepada Kementerian Kesihatan Melaka pada 6 Jun 2013 di Proton Edar Service Centre (Peringgit) Melaka. Sebanyak 6 buah Proton Inspira 2.0 CVT diserahkan.



Encik Mohd Ali bin Jabar, Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan, Kementerian Belia dan Sukan (kiri) menerima cenderahati daripada Encik Shaheeran mewakili SPANCO.



Peserta dari Kementerian Belia dan Sukan bergambar kenangan.

Kursus Pengurusan Pemanduan SPANCO Bersama Kementerian Belia dan Sukan dari 17 – 18 Jun 2013 di Port Dickson, Negeri Sembilan.

TEROKAI DUNIA LEGO DENGAN PENUH KERIANGAN DI LEGOLAND MALAYSIA RESORT



DUNIA penuh kerian, Legoland Malaysia Resort merupakan satu lagi destinasi percutian untuk anda seisi keluarga. Taman tema yang sarat dengan pelbagai permainan menarik untuk kanak-kanak dan dewasa. Terletak di Nusajaya, Johor ia dibuka pada 15 September 2012 dan merupakan taman tema Legoland yang pertama dibuka di Asia setakat ini dengan keluasan 5.5 juta kaki persegi (510,000 m²).

Taman yang bertemakan Lego ini menyediakan lebih 40 tunggangan interaktif, persembahan dan pelbagai tarikan lain. Berkunjung ke Legoland

Malaysia Resort menjadikan anda seperti berada di dalam dunia berinteraktif Lego. Bermula dari pintu masuk utama hinggalah kepada permainan dan kedai-kedai yang menjual produk Lego yang tentunya akan menjadikan anak-anak anda begitu teruja.

Apatah lagi apabila mereka berkunjung ke seksyen imaginasi yang mana satu permainan 'interaktif Lego' disediakan untuk anak-anak mengasah kemahiran membina rumah, kereta, bangunan pencakar langit dan sebagainya. Paling menarik, selepas dibina model yang dihasilkan boleh diuji.

**BERKUNJUNG
KE LEGOLAND
MALAYSIA
RESORT**





mahupun Asia di tujuh jenis restoran pada harga yang berpatutan. Bawa pulang cenderahati dengan berkunjung di kedai yang menjual barangan Lego serta *T-shirt* seperti *Mini Market*, *The Brick Shop* dan *Adventures' Depot*.

Lebih menarik lagi, pada bulan Oktober nanti, Taman Air Legoland akan dibuka, menawarkan pelbagai permainan air selain menerapkan unsur pendidikan terutamanya kepada kanak-kanak. Taman ini menyediakan 20 gelongsor air dan lebih 70 model Lego. Antara tarikan menarik termasuklah *Build-A-Raft River* yang membolehkan kanak-kanak membuat rakit menggunakan kepingan Lego lembut dan *Joker Soaker* yang membolehkan kanak-kanak bermain meriam air sambil dihiburkan oleh pelawak Lego.

Dengan pembukaan taman air ini akan menjadikan Legoland sebagai taman pertama yang mempunyai pintu berpagar kedua sekaligus memberi peluang kepada pengunjung menikmati fasiliti di kedua-dua taman tema ini secara bersama atau berasingan.

Alamilah dunia tanpa sempadan di Legoland Malaysia Resort bersama keluarga terutama pada musim cuti persekolahan atau cuti perayaan ini.

Bukan itu sahaja, anak-anak pastinya lebih teruja apabila menaiki *Kids Power Tower*, sebuah menara yang membenarkan pengunjung menggerakkan kerusi kenderaan ke atas menara serta mempunyai tali kerusi yang dijatuhkan.

Sekiranya anak anda berusia 2-6 tahun, *Lego Duplo* adalah yang paling sesuai dengan mereka, yang mana ia menyediakan permainan interaktif untuk si kecil anda mengembangkan minda melalui permainan Lego.

Terokai dunia mini di *Miniland* dengan binaan 30 juta Lego untuk membentuk 17 negara Asia termasuklah Menara Berkembar Petronas (KLCC), 'The Merlion Statue' dan Taj Mahal. Kesemua taman *Miniland* adalah berbentuk animasi dan pengunjung boleh menghidupkan kota ini dengan hanya satu sentuhan.

Setelah penat bermain, anda sekeluarga boleh merehatkan diri sambil menikmati juadah istimewa sama ada ala barat

JOM MAKAN!

Restoran: Kedai Makanan Jadi Baru (Botak)

Masakan: Asam Pedas

Harga: RM10 – RM20


Kena cuba: Asam pedas ikan, telur goreng, udang dan ikan kukus

Lokasi: No.145, Jalan Lumba Kuda, 80300 Johor Bahru, Johor.

Waktu: Isnin – Sabtu (6 pagi – 4 petang), Ahad (tutup)



JAGA KESIHATAN MATA JANGAN MENYUMBANG KEPADA KEMALANGAN JALAN RAYA DI AIDILFITRI INI



PENGLIHATAN yang kurang jelas terutama ketika memandu akan menyebabkan ketidakselesaan kepada pemandu dan boleh menjurus kepada kemalangan.

Semasa memandu, otak menerima 90% tindak balas melalui mata. Hasil kajian mendapati, satu daripada lima pemandu mempunyai masalah penglihatan yang mungkin boleh memberi kesan kepada pemanduan.

Penglihatan Periferal

Penglihatan perifer (keupayaan melihat objek pada kedua-dua sisi) membolehkan kita melihat persekitaran di dalam kenderaan tanpa perlu memusingkan kepala. Keupayaan ini membolehkan kita melihat cermin hadapan, sisi dan cermin pandang belakang secara serentak. Ia juga membolehkan kita melihat cermin belakang dan sisi tanpa mengalihkan pandangan dari jalan raya.

Persepsi Kedalaman

Persepsi kedalaman adalah kebolehan mengadili ruang antara objek. Sebagai contoh, jarak antara kereta anda dan kenderaan di hadapan atau menganggarkan jarak antara dua kereta di petak letak kereta. Ianya bergantung kepada penglihatan dwimata yang baik seperti mengenal pasti keadaan selamat

Penting Untuk Anda Tahu

- Rabun jauh menjadi lebih bahaya jika kelajuan bertambah.
- Memotong atau menukar lorong dalam kesibukan lalu lintas memerlukan persepsi kedalaman yang baik.
- Kekurangan persepsi kedalaman adalah biasa di kalangan pemandu namun menjadi buruk jika kelajuan bertambah.
- Penglihatan perifer 180° (setengah bulatan) akan berkurang kepada 40° (satu per sembilan dari bulatan) pada kelajuan 100kmj.
- Pemandu yang berpenglihatan baik dapat menukar fokus dari jalan raya kepada 'dashboard' berulang kali dengan mudah dan cepat.
- Penglihatan malam yang baik bukan hanya memerlukan keupayaan melihat cahaya rendah tetapi juga berjaya menahan cahaya silau dari lampu hadapan.
- Pemandu juga perlu membezakan pelbagai warna antara satu dengan yang lain.

untuk memotong atau semasa menukar lorong di lebuh raya.

Penglihatan Malam

Sel fotopenerima retina membekalkan penglihatan perifer malam yang baik, walau di dalam cahaya suram. Penglihatan malam akan merosot berikutan faktor usia dan jika anda mempunyai masalah silau



yang serius maka anda perlu berjumpa pakar mata untuk mendapatkan nasihat sama ada perlu memakai kaca mata penghalang silau pada waktu malam.



HASIL KAJIAN MENDAPATI, SATU DARIPADA LIMA PEMANDU MEMPUNYAI MASALAH PENGLIHATAN YANG MUNGKIN BOLEH MEMBERI KESAN KEPADA PEMANDUAN.

10 MAKANAN PENTING YANG BAIK UNTUK MATA

- **Lobak** kaya dengan beta karotena, satu anti-oksidan yang membantu mengurangkan risiko degenerasi makula dan katarak.
- **Lada Benggala, Brokoli dan Kubis Brussel.** Ketiga-tiga sayuran ini kaya dengan vitamin C, juga merupakan anti-oksidan penting yang dapat melindungi mata.
- **Daging Burung Unta** kaya dengan protein, zat besi dan zink – kandungan penting yang dapat mengekalkan kesihatan mata. Zink didapati dalam retina dan membantu enzim untuk menyihatkan mata. Dengan mengambil makanan yang mengandungi zink boleh mengelak dan merawat masalah degenerasi makula pada mata.
- **Ayam Belanda** juga kaya dengan zink serta niasin vitamin B yang bertindak melindungi mata dari katarak.
- **Ubi Keledek** kaya dengan beta karotena dan baik untuk menjaga kesihatan mata.
- **Sayur Bayam** membekalkan empat kandungan yang dapat melindungi mata. Mengandungi vitamin C, beta karotena serta *lutein* dan *zeaxanthin*; pasangan anti-oksidan yang ditemui dalam tisu makula. Ia bertindak seperti penghadang matahari kepada mata. Selain melindungi retina, bayam berupaya mengurangkan risiko degenerasi makula.



- **Ikan Salmon dan Sardin** kaya dengan lemak Omega-3. Kajian menunjukkan dengan memakan makanan yang kaya dengan lemak Omega-3 akan membantu melindungi salur darah di dalam mata.

Imej berikut hanya menunjukkan beberapa seleksi keadaan mata – semua pemandu dinasihatkan mendapat ujian mata setiap dua tahun.

- 1 Pemandu yang mempunyai masalah katarak sering mengalami penglihatan kabur dan masalah silau pada waktu malam.



- 2 Kajian mendapati 20% masyarakat mempunyai masalah 'Myopia' atau rabun jauh yang bermaksud tidak berupaya memfokus objek pada jarak jauh dan mengakibatkan pandangan kabur.



- 3 Glaukoma yang tidak dirawat akan menyebabkan kehilangan penglihatan perifer. Otak akan 'mengisi' apa yang hilang agar penghidap tidak akan menyedarinya buat seketika.



Simbol



Cawangan Proton Edar;
atau Wakil Servis Sah
Proton Edar



Khidmat
Tunda



Pembaikan
Kemalangan



Mekanikal



Bateri



Tayar



Hawa
Dingin



Tayar &
Bateri

KELANTAN - PUSAT SERVIS BERSEPADU (M) SDN BHD



**WAKIL SERVIS SAH
PROTON EDAR**
**PUSAT SERVIS BERSEPADU
(M) SDN BHD**



NO 4, LOT 886, JALAN MASJID LAMA
17000 PASIR MAS
TEL: 09-7900675
FAKS: 09-7900675

JURUTEKNIK: 5 ORANG
PETAK SERVIS: 9

PAHANG - PUSAT SERVIS & ALAT GANTI PROTON EDAR



**CAWANGAN
PROTON EDAR**
**PUSAT SERVIS & ALAT GANTI
PROTON EDAR (KUANTAN)**



LOT PT 7138,
KAWASAN PERINDUSTRIAN SEMAMBU
25350 KUANTAN
TEL: 09-5661611 / 5661612
FAKS: 09-5661413

JURUTEKNIK: 9 ORANG
PETAK SERVIS: 10

TERENGGANU - PUSAT SERVIS PROTON EDAR



**CAWANGAN
PROTON EDAR**
**PUSAT SERVIS PROTON EDAR
(KUALA TERENGGANU)**



LOT 14947,
KAMPUNG PADANG MIDIN
JALAN KUALA BERANG
21400 KUALA TERENGGANU
TEL: 09-6318181

JURUTEKNIK: 9 ORANG
PETAK SERVIS: 12

*Sila layari www.spanco.com.my untuk senarai lengkap Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia.

PAHANG - HOI KEEN AUTO SPRAY SDN BHD



**WAKIL SERVIS SAH
PROTON EDAR**

HOI KEEN AUTO SPRAY SDN BHD



NO. A-551, JALAN PADANG LALANG
25050 KUANTAN
TEL: 09-5161898
FAKS: 09-5165898

JURUTEKNIK: 8 ORANG
PETAK SERVIS: 5

PEMBUKAAN SEMULA - SERVIS MESRA KERTEH



PUSAT SERVIS PROTON EDAR (KERTEH)

SERVIS MESRA KERTEH



PSS KERTEH 2, LOT 872
MUKIM KERTEH, 24000 KEMAMAN
TERENGGANU
TEL: 09-8265916
FAKS: 09-8266320

JURUTEKNIK: 2 ORANG
PETAK PEMBAIKAN: 4
SERVIS MESRA KERTEH KEMBALI BEROPERASI SETELAH DITUTUP
BUAT SEMENTARA WAKTU BAGI MENJALANI KERJA-KERJA
MENAİK TARAF





Tali pinggang keledar di belakang bukannya hiasan. Gunakannya.



**Gunakan Tali Pinggang Keledar Di Belakang.
Anda Mampu Mengubahnya.**